

**USAHAWAN MUDA  
SINGAPURA (YBS)**

# Saluran bantu usahawan muda mulakan niaga

*Inisiatif dengan dana  
\$200,000 sasar  
golongan belia susah*

Oleh **MOHAMMED SHAFFIQ SARUDIN**  
mshaffiq@sph.com.sg

WALAUPUN dalam keadaan ekonomi yang lembap, usahawan muda digalakkan supaya berani memulakan perniagaan sendiri.

Untuk tujuan itu, satu inisiatif baru dengan dana bernilai \$200,000, digelar rancangan Usahawan Muda Singapura atau Youth Business Singapore (YBS) akan menawarkan satu lagi saluran bantuan kewangan dan nasihat perniagaan kepada usahawan muda.

YBS merupakan satu cawangan di bawah rangkaian Perniagaan Belia Antarabangsa atau Youth Business International (YBI) yang beroperasi di 38 negara.

“Selain daripada mendapat bantuan kewangan bagi memulakan perniagaan, pemohon yang berjaya akan digandingkan dengan seorang pembimbing yang mempunyai pengalaman dalam bidang yang ingin diceburi oleh usahawan tersebut.

“Pembimbing itu akan memberi nasihat dan mengenalkan kepada orang yang penting dalam industri tersebut. Pelancaran secara rasmi akan dilakukan lewat tahun ini,” kata pengarah program YBS, Encik Raymond Huang, kepada Ekoniaga.

“Inisiatif ini akan memberi belia setempat lebih banyak peluang dari segi kemajuan bagi usahawan.

“Bantuan kewangan dan bimbingan daripada mentor juga dapat membantu mengurangkan usahawan yang mudah putus asa,” kata Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Apex-Pal International, Encik Douglas Foo, yang juga merupakan pemegang amanah YBS dan ketua program Mentor bagi YBS.

YBS berharap dapat mengeluarkan dana sekurang-kurangnya bagi 10 projek dalam fasa permulaan tahun ini.

Rancangan YBS itu disokong oleh The Centennial Fund, sebuah pertubuhan amal di Arab Saudi yang juga sebahagian daripada rangkaian YBI.

YBS telah menerima secara percuma satu sistem operasi bernilai \$3 juta.



**MELIHAT MENU DI SAKAE SUSHI:** (Dari kiri) Encik Douglas Foo, pemilik Sakae Sushi yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Apex-Pal International; Encik Mahmoud Abdul Aty, Pengurus Perkhidmatan Perniagaan The Centennial Fund; dan Encik Abdulaziz Al-Mutairy, Ketua Pegawai Penilaian The Centennial Fund. – Foto **TAUFIK A. KADER**

“Sistem operasi itu direka bentuk untuk kegunaan di Arab Saudi oleh syarikat-syarikat IT daripada Microsoft dan lain-lain sejak empat tahun lalu. Ia diubah suai mengikut pengalaman yang kami tempuhi.

“Sistem ini sangat berkesan dan dapat menolong YBS menyemak aplikasi dan menjalankan penyelidikan risiko dan potensi sesuatu projek,” kata Pengurus Perkhidmatan Perniagaan The Centennial Fund, Encik Mahmoud Abdul Atey.

Menurut Encik Huang, rangkaian YBI itu beroperasi secara tersendiri di setiap negara tetapi menggunakan model YBI untuk membantu usahawan yang berpotensi dengan memberi nasihat dan bantuan kewangan.

“Malah, wang \$200,000 itu telah diberikan oleh seorang ahli perniagaan Singapura. Tetapi, bagi mereka

yang menunjukkan potensi, pihak di Arab Saudi mungkin berminat untuk bekerjasama dengan usahawan tersebut.

“Tumpuan lebih diberikan kepada belia yang susah. Ini kerana mereka lebih memerlukan bantuan jika dibandingkan dengan belia yang berada,” tambah Encik Huang.

Sejak beroperasi pada 1999, program itu telah membantu memulakan 90,000 perniagaan baru di seluruh dunia.

Mengikut undang-undang Singapura, seseorang harus berumur 18 tahun ke atas untuk memulakan perniagaan.

Sesiapa yang berminat untuk menjadi usahawan atau ingin menjadi seorang pembimbing boleh menghantar e-mel kepada [ybs@heartware-network.org](mailto:ybs@heartware-network.org).

English Translation

## Channel to help budding entrepreneurs

In the midst of recession, young entrepreneurs are encouraged to start their own business.

With that objective, a new initiative with funding of \$200,000 called Youth Business Singapore will offer one more funding channel and business consultation to young entrepreneurs.

YBS is a branch under the Youth Business International network which is operating in 38 different countries.

“Besides getting financial assistance to start a business, successful applicants will be matched with a suitable mentor who have vast experience in the corresponding industries.

“The mentor will provide guidance and introduce them to the important people in the industry. The official launch will be scheduled later this year,” said Mr Raymond Huang, YBS Executive Director, to *Ekoniaga*.

“This initiative will give local youths more exposure into entrepreneurship.

“By providing financial assistance and guidance, we will be able to encourage more youths to be entrepreneurs” said Mr Douglas Foo, Chief Executive Officer Apex-Pal International, who is an YBS trustee and volunteer mentor for YBS. YBS hopes to finance at least 10 projects in the starting phase this year.

The YBS plan is supported by The Centennial Fund, a charity organisation in Saudi Arabia which is also a part of the YBI branch. YBS has received one operation system worth \$3 million for free.

“The operation system has been fine-tuned for use in Saudi Arabia by IT companies from Microsoft and others for the past 4 years.

“This system is very useful and is able to help YBS to check the applications and conduct risk research and potential of a project,” said Mr Mahmoud Abdul Atey, The Centennial Fund Business Service Manager.

According to Mr Huang, the YBI network operates on its own in each country but uses the YBI model to help potential entrepreneurs by providing guidance and financial assistance.

“In fact, that \$200,000 was given by a Singapore businessman. But, for those entrepreneurs with potential, there will be a party from Saudi Arabia who might be interested to work on collaboration.

“Focus will be given to needy youths. This is because they need more assistance if compared to those wealthy youths,” added Mr Huang.

Since its operation in 1999, the program has helped to start 90,000 new businesses worldwide.

In Singapore’s law, one has to be at least 18 years old and above in order to start a business.

Those who are interested to become an entrepreneur or a mentor, can email to [ybs@heartware-network.org](mailto:ybs@heartware-network.org)